# Berita Bergambar dari Persekutuan Tanah Melayu



*Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sedang mengisytiharkan pembukaan Bank Negara Tanah Melayu, pada 24 Januari 1959 yang lalu. Seramai 300 orang telah menghadiri upacara yang bersejarah itu. Dalam gambar kelihatan juga Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, dan Yang Berhormat Tun Lim Yew Hock, Ketua Menteri Singapura.*





*Suatu pandangan dalam majlis jamuan makan malam yang telah diadakan di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur Pada 24 Januari yang lalu, kerana meraikan Setiausaha Perhubungan Commonwealth bagi United Kingdom, yang Yang Berhormat Earl of Home dan Countess of Home. Dalam gambar kelihatan Yang Berhormat Dato' Abdul Razak bin Hussein Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu sedang berucap. Duduk dari kiri: Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom, Sir Geoffroy Tory, Datin Rahah, Isteri Dato' Abdul Razak, Lord of Home, Raja Muda Selangor dan Lady Home. Di bawah Lord Home sedang membalas ucapan.*

